

GHAREO: IMAGINASI PENCIPTAAN TARI BERINSPIRASIKAN LAGU GHAZAL

MOHD FAUZI B AHMAD SELO

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**GHAREO:
IMAGINASI PENCIPTAAN TARI BERINSPIRASIKAN
LAGU GHAZAL**

MOHD FAUZI B AHMAD SELO

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

UPSIPS-380 32
Pind : 00 mls: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اسمى سلطان ادرىSila tanda (+)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 8 (hari bulan) Feb (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD FAUZI B AHMAD SELO, M20181001426, FMSP (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk Ghaleo : Imaginasi Penciptaan Tari
Berinspirasi dari lagu Ghazal

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Muhammad Fazi Taib Bin Saerani (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Ghaleo : Imaginasi
Penciptaan Tari Berinspirasi dari lagu Ghazal

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat, untuk memperoleh Ijazah
Sarjana Sastera (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

9/2/2022
Tarikh


Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: GhaReo: Imaginasi Penciptaan Tari
Berinspirasi Lagu GhazalNo. Matrik / Matric's No.: M20181001426Saya / I: MUHAMMAD FAUZI BIN AHMAD SELA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-


1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS
(Tandatangan Pelajar/ Signature)Tarikh: 9/2/2022
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Muhammad Fadzil Taib b.m.


Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Sekalung penghargaan ingin saya berikan buat semua individu yang membantu dalam penghasilan karya serta disertasi ini. Pertama sekali ingin saya kirimkan doa buat arwah kedua ibu bapa saya yang sebelum ini banyak memberi inspirasi serta dorongan buat saya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, Tanpa kedua ibu bapa saya, tidak akan mungkin saya mampu untuk sampai ketahap ini. Moga ibu dan bapa saya tenang di alam sana. Keduanya ingin saya zahirkan ucapan ribuan terima kasih buat kedua-dua penyelia saya iaitu Dr Muhammad Fazli Taib bin Saarani serta Dr Kamarulzaman bin Mohamed Karim. Mereka berdua banyak memberi tunjuk ajar sepanjang penghasilan projek persembahan ini. Tidak lupa juga ingin saya kalungkan ribuan terima kasih buat kesemua penari-penari saya yang terdiri dari bekas anak murid saya iaitu Syahmi Zaini, Syahrul Affandi, Danial Qayyum, Megat Amiruddin, Shahril Aziz, Fariz, Hidayah Hayon yang gigih berlatih dan mempersembahkan karya saya ini dengan baik. Tanpa mereka projek persembahan ini tidak dapat dijalankan. Akhir sekali tidak lupa juga buat semua rakan serta orang sumber yang membantu dalam penghasilan projek persembahan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menghasilkan projek persembahan yang menggunakan konsep imaginasi dalam penciptaan tari berdasarkan irama Ghazal Melayu Johor. Projek persembahan ini berfokuskan kepada dua aspek iaitu konsep imaginasi dan proses improvisasi yang mencipta tari diinspirasi berdasarkan irama Ghazal Melayu Johor. Teori Imaginasi dan teori inkuri oleh John Dewey's digunakan sebagai dasar kepada penjelasan konsep imaginasi dalam penciptaan. Menurut beliau imaginasi adalah satu bentuk aras pengetahuan dalam menzahirkan pelbagai perkara dan salah satunya adalah proses kreatif. Pada peringkat awal idea yang dibentangkan semasa projek akhir adalah berkaitan penciptaan tarian di Malaysia dan hubungkait dengan muzik atau lagu yang mengiringi tari. Isu yang telah diketengahkan adalah pelestarian muzik Ghazal yang umum mengetahui kini irama ini makin kurang mendapat sambutan dalam kalangan anak muda. GhaReo adalah akronim kepada Ghazal dan Koreografi yang menjelaskan penciptaan koreografi berimaginasi Ghazal Melayu Johor. Proses imaginasi ini melibatkan dua konsep dalam muzik Ghazal tersebut iaitu rentak dan irama muzik Ghazal Melayu Johor. Rentak Ghazal Johor mempunyai keunikannya kerana rentak ini diilhamkan sendiri oleh tokoh Ghazal Melayu Johor iaitu Pak Lomak dan rentak ini disebut "Pukulan Hindustani". Melalui konsep GhaReo ini empat karya telah dihasilkan iaitu karya Harakat, Ghasli, Garayu dan Kurung Putih. Empat karya ini dihasilkan berdasarkan tiga bentuk ghazal iaitu ghazal asli, ghazal langgam dan ghazal rekonstruksi. Penghasilan projek persembahan ini diharapkan dapat melestarikan semula kesenian Ghazal Melayu Johor dengan adanya satu bentuk persembahan lain dalam seni muzik Ghazal Johor itu sendiri.

Kata Kunci : GhaReo, Imaginasi, Improvisasi, Ghazal Melayu Johor





GHAREO : IMAGINATION DANCE CREATION INSPIRED BY GHAZAL

ABSTRACT

The study aims to produce a performance project that uses the concept of imagination in the creation of dance based on the rhythms of Ghazal Melayu Johor. The project focuses on two aspects: the concept of imagination and the improvisational process that creates dance inspired by Ghazal Melayu Johor. Imagination theory and inkuri theory by John Dewey's were used as the basis for the explanation of the concept of imagination in creation. According to him, imagination is a form of knowledge level in expressing various things and one of them is the creative process. In the early stages of the idea presented during the final project is related to the creation of dance in Malaysia and the connection with the music or song that accompanies the dance. The issue that has been highlighted is the preservation of Ghazal's music which is commonly known that the rhythm is becoming less popular among young people. GhaReo is an acronym for Ghazal and Choreography which explains the creation of the Ghazal Melayu Johor choreography using imaginative process . This imaginative process involves two concepts in the Ghazal music which are the beat and rhythm of the Ghazal Melayu Johor music. The Ghazal Beat of Johor has its uniqueness as the beat was inspired by the Ghazal Melayu Johor figure Pak Lomak and the beat is called "Hindustani Shot". Through the concept of GhaReo, four works have been produced, namely the works of Harakat, Ghasli, Garayu and Kurung Putih. These four works are produced based on three forms of ghazals, namely original ghazals, langgam ghazals and reconstructed ghazals. The production of this performance project is expected to preserve the art of Ghazal Melayu Johor with the existence of another form of performance in ghazal johor music art itself.

Keywords : GhaReo, Imagination, Improvisation, Ghazal Melayu Johor



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI GAMBAR	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Inspirasi/Motivasi	1
1.1.1 Muzik Ghazal Sebagai Inspirasi	3
1.1.2 Penciptaan Tari di Malaysia	5
1.2 Matlamat Penciptaan	7
1.3 Objektif Penciptaan	7
1.4 Kontekstualisasi Topik	8
1.4.1 Aplikasi Budaya Dalam Ghazal	8
1.4.2 Proses Imajinasi	12
1.5 Imajinasi Idea Penciptaan	15
1.5.1 Konsep Asas Penciptaan Tari	21



BAB 2	KAJIAN LETERASI DAN KARYA KREATIF	
2.1	Kajian Leterasi	25
2.1.1	Buku dan Artikel Bertulis	26
2.2	Karya Kreatif Dari Sumber Internet dan Video	32
2.3	Keaslian Ciptaan	35
BAB 3	KONSEP PENCIPTAAN	37
3.1	Konseptualisasi Idea Penciptaan	37
3.2	Landasan Teori Penciptaan	39
BAB 4	PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF	44
4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat	44
4.2	Pendekatan Penciptaan	46
BAB 5	DESKRIPSI KARYA KREATIF	53
5.1	Pembentukan Karya	53
5.2	Struktur Karya	75
5.3	Program Persembahan	80
BAB 6	REFLEKSI DAN RUMUSAN	83
6.1	Refleksi	83
5.2	Rumusan	87
RUJUKAN		91
LAMPIRAN		94

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.0 Prinsip Koreografi dan Contohnya	50
5.0 Rancangan Pelaksanaan Latihan Karya 1	59
5.1 Rancangan Pelaksanaan Latihan Karya 2	60
5.2 Rancangan Pelaksanaan Latihan Karya 3	61
5.3 Rancangan Pelaksanaan Latihan Karya 4	62
5.4 Cadangan Senarai Nama Penari GhaReo	64
5.5 Penerangan Motif Gerak 1	66
5.6 Penerangan Motif Gerak 2	67
5.7 Program Persembahan GhaReo	82

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.0 Konsep-konsep Asas Penciptaan Tari	20
3.0 Kebaharuan Pengetahuan GhaReo	37
4.0 Pendekatan Koreografi GhaReo	47
5.0 Model Didactic dan Democratic	57

SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
5.0 Busana Karya Ghasli	72
5.0 Busana Karya Garayu	73
5.0 Busana Karya Kurung Putih	74



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Inspirasi



Inspirasi adalah perkara yang mendasari sesuatu idea. Idea pula perkara dasar yang akan menghasilkan sesuatu karya. Dalam konteks ini idea adalah cetusan minda bagi seseorang pengkarya menghasilkan karya mereka. Cetusan atau perkara dasar ini boleh terhasil melalui pengalaman, pemerhatian atau ilmu yang di peroleh dari bahan bacaan. Menurut Crystal Pile, seorang koreografer abad ke-21 menyatakan:





Saya mendapat ilham daripada kehidupan dan pengalaman manusia. Saya terdorong untuk mencipta karya berdasarkan inspirasi ini dan membawa cerita-cerita mereka ke pentas¹

Pernyataan ini disokong oleh Joseph Gonzales (2019), yang menyatakan perjalanan hidup manusia penuh dengan pengalaman yang boleh mengajar dan membantu manusia untuk lebih matang, dan pengalaman ini boleh menjadi ilham untuk menghasilkan produk seni. Kebiasaannya idea yang dihasilkan haruslah dekat dengan saya agar mudah saya menghasilkan karya saya kelak. Idea yang dicetuskan juga haruslah menarik agar karya yang dihasilkan juga menarik.

Pada peringkat awal, idea yang akan dibentangkan semasa projek akhir adalah berkaitan penciptaan tarian di Malaysia dan hubung kait dengan muzik atau lagu yang mengiringi tari. Penciptaan karya ini terdorong dari isu pelestarian muzik Ghazal yang umum mengetahui kini irama ini makin kurang mendapat sambutan dalam kalangan anak muda. Muzik Ghazal Johor secara dasarnya adalah hiburan bagi masyarakat di negeri Johor satu ketika dahulu dan irama ini lebih berfokus kepada kreativiti penciptaan rentak dan lagu. Kajian ini diinspirasikan melalui pemerhatian saya dalam melihat penciptaan tarian berdasarkan muzik atau muzik yang mengiringi tarian tersebut. Umum, mengetahui muzik dan tari itu tidak boleh dipisahkan.

Banyak aktiviti seni persembahan yang melibatkan muzik dan tari sebagai satu penyatuan seni berdasarkan pernyataan Tulus Handra Kadir (2007). Hubungan erat antara muzik dan tari dengan aspek seni persembahan dan kebudayaan suatu masyarakat juga dapat dilihat pada tradisi muzik dan tari di Polynesia, di mana Kaeppler (1980) menyatakan dalam kebanyakan hal muzik dan tari di Polynesia boleh

¹ <https://www.youtube.com/watch?v=CIFap1iuRE>





dipertimbangkan sebagai kesusasteraan lisan peringkat kedua dan ketiga dalam aspek seni persembahan. Inspirasi ini memperkuat justifikasi saya memilih muzik Ghazal sebagai alat dalam menghasilkan karya baharu. Secara dasarnya, irama ghazal lebih tertumpu kepada aspek kreativiti penciptaan muzik dan puisi yang tidak mengandungi unsur tari di dalamnya, walau bagaimanapun penciptaan ragam tari atau gaya dalam tari dengan berinspirasi muzik bukanlah perkara yang baru. Jo Butterworth (2012) menyatakan secara tradisinya dalam mempelajari *classical* dan *romantic ballet* kebiasaannya hubungan rapat antara muzik dan tari dilihat sehingga lewat abad ke 20. Pakar tari balet selalunya menghasilkan koreografi berdasarkan muzik sedia ada (contohnya *Pipa* bekerjasama dengan muzik *Tchaikovsky*).

Jelas, menunjukkan tari boleh dicipta berdasarkan muzik sedia ada selagi ia bersesuaian dengan apa yang bakal dihasilkan. Perbincangan berikutnya, saya akan memberikan sub topik inspirasi kepada imaginasi penciptaan dan muzik ghazal sebagai inspirasi. Hal ini penting dalam menjelaskan hubungan antara penciptaan tari serta pemilihan muzik dalam menghasilkan projek persembahan akhir ini.

1.1.1 Muzik Ghazal Sebagai Inspirasi

Menurut Joseph Gonzales (2019) ilham dan inspirasi untuk rekaan tarian dalam gaya kontemporari pada sebarang peringkat dan tujuan adalah penuh dengan kepelbagaian dan variasi. Variasi yang dinyatakan di atas merujuk kepada sumber-sumber penjana idea yang boleh diterokai oleh koreografer dalam menghasilkan karya mereka. Antara inspirasi yang boleh digunakan seperti pengalaman peribadi, kesusasteraan, senario politik dan muzik. Inspirasi menghasilkan persembahan berbentuk penciptaan tarian berdasarkan muzik Ghazal Melayu Johor ini bertitik tolak dari keinginan saya cuba





mengimajinasikan penciptaan tari berdasarkan muzik atau irama yang terdapat di Malaysia. Seni muzik merupakan salah satu elemen ciptaan manusia untuk menzahirkan perasaan dan emosi mereka (Muhammad Irfan, Sakinah Abu Bakar & Tasnim Mohd Annuar, 2013). Melalui perasaan dan emosi ini kadang-kala sesetengah pengkarya mampu menghasilkan pergerakan yang di sebut sebagai gerak tari.

Di Malaysia umumnya, terdapat pelbagai bentuk muzik tradisional Melayu yang mengiringi tarian atau tarian tersebut mengiringi persembahan muzik. Muzik tradisional Melayu menggambarkan sosio budaya dan kreativiti masyarakat Melayu zaman dahulu, sebagai contoh jika melihat muzik Ghazal Melayu Johor walaupun sejarah mengatakan ghazal berasal dari Timur Tengah akan tetapi masyarakat Melayu tetap beranggapan ghazal milik mereka. Ini kerana faktor utama yang menyebabkan masyarakat Melayu beranggapan sedemikian adalah kerana lirik lagu-lagu ghazal berasal dari puisi pantun (Rohaya Ahmad, 2004).

Ghazal Melayu Johor adalah salah satu bentuk muzik tradisional Melayu di negara kita. Walaupun ghazal adalah muzik yang berasal dari semenanjung Arab dan mendapat pengaruh budaya India yang mencerminkan keperibadian di mana muzik itu berasal, akan tetapi Ghazal Melayu Johor adalah sebuah irama yang telah melalui proses pembauran antara kesenian dari India Parsi dengan budaya masyarakat Melayu di Johor khususnya. Asri (2008) menegaskan Ghazal Melayu Johor adalah sebuah irama Padang pasir yang mendayu-dayu, di ramu dengan tepukan tabla, alunan harmonium, gesekan violin dan petikan gitar, menghadirkan rasa melankolik yang membuai. Tambahan pula dengan kekayaan pantun masyarakat Melayu yang juga





diadaptasi menjadi lirik lagu telah membuat muzik ghazal menjadi muzik yang mewakili sepenuhnya jiwa dan sikap hidup masyarakat Melayu.

1.1.2 Penciptaan Tari di Malaysia

Dalam perspektif saya, tari sebagai alat yang akan melalui proses penciptaan manakala muzik ghazal pula menjadi inspirasi dalam konteks mengimajinasikan penciptaan tari tersebut. Istilah tari diwujudkan bagi mengkategorikan jenis, bentuk dan motif pergerakan yang diciptakan. Sebelum perkataan tari digunakan di Malaysia, sudah wujud perkataan-perkataan lain yang digunakan pakai bagi menggambarkan bahawa tari adalah sebuah tarian. Kepelbagaian perkataan ini merujuk kepada perbezaan kawasan tempat tinggal serta dialek yang digunakan oleh sesebuah komuniti (Mohd Anis, 2007). Menurut Ghouse (1994) permulaan tari lama adalah daripada pergerakan ritual yang mudah kepada tarian rakyat dan tarian istana yang lebih kompleks dan halus.

Perkembangan tarian mestilah dilihat daripada perspektif sejarah dalam konteks kawasan Asia Tenggara terutama dunia Melayu Proto dan Deutro yang berhijrah dari tanah besar Asia ke kepulauan Pasifik. Beliau juga menyatakan penduduk awal ini mengadakan pelbagai aktiviti ritual untuk memberi makna pada kehidupan mereka. Mereka telah mencipta ritual-ritual yang lengkap yang juga mengandungi pergerakan. Perkembangan tari ini kemudiannya berkembang kepada drama tari, tari rakyat, tari istana dan tari Melayu Moden. Menurut Mohd Anis Md Nor (2019) tari dan muzik pergaulan Melayu di klasifikasi kepada dua iaitu bentuk keagamaan seperti Zapin yang terkenal di Johor, Perak, Terengganu, Kelantan dan





Sarawak, adakalanya dipanggil juga Jipin atau Jepen sebutan ini popular di sekitar Sarawak dan Kalimantan. Klasifikasi yang kedua pula adalah bentuk sekular atau bergandingan gender seperti Canggung, Nopeng dan Ronggeng. Beliau menambah salah satu kesenian ini iaitu Ronggeng mula hilang setelah munculnya Tari Seni di dalam filem-filem Melayu sekitar awal 1960an. Selepas dekad 1960an dan 1970an Tari Seni yang dicipta dari tari pergaulan Ronggeng Melayu berkembang pesat menghasilkan repertoire-repertoire baru di Kompleks Budaya Negara lewat 1970an hingga 1980an. Melalui pernyataan di atas jelas menunjukkan perkembangan penciptaan tari di Malaysia mempunyai hubung kait dengan muzik.

Secara kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di atas terdapat dua konsep yang diketengahkan iaitu: (1) imaginasi penciptaan tari (2) Muzik Ghazal Johor sebagai inspirasi projek persembahan yang akan dijalankan.





1.2 Matlamat Penciptaan

Penghasilan projek akhir ini bermatlamat imaginasi penciptaan tari berinspirasi Ghazal Melayu Johor (GMJ) oleh yang demikian saya memilih irama GMJ sebagai bahan asas dalam penciptaan kerana irama ini lebih tertumpu kepada aspek kreativiti penciptaan muzik dan puisi yang tidak mengandungi unsur tari di dalamnya. Penciptaan persembahan tari ini juga bermatlamat mengaplikasikan sebuah projek pengajian persembahan yang tidak tertumpu kepada aspek seni tari sahaja akan tetapi menggabung jalinkan elemen seni persembahan yang lain iaitu muzik.

1.3 Objektif Penciptaan



Dalam melaksanakan projek persembahan akhir ini, beberapa objektif telah dibangunkan bagi memberi panduan kepada saya dalam menghasilkan projek tersebut.

Berikut merupakan objektif projek persembahan akhir ini:

- I. Mengaplikasikan konsep penciptaan tari berinspirasikan muzik ghazal.
- II. Menghasilkan sebuah persembahan tari berdasarkan konsep imaginasi berdasarkan muzik ghazal



1.4 Kontekstualisasi Topik

1.4.1 Aplikasi Budaya dalam Muzik Ghazal

Secara dasarnya, konteksualisasi merujuk kepada usaha untuk menempatkan sesuatu perkara dalam konteksnya sehingga tidak asing dan dapat terjalin antara satu sama lain. Dalam konteks projek persembahan ini, saya memikirkan bagaimana pelestarian budaya dalam masyarakat setempat dapat di teruskan. Kontekstualisasi ini juga merujuk kepada pernyataan, rujukan daripada sarjana budaya dan tari khususnya serta teori yang dikemukakan bagi mengukuhkan proses projek persembahan akhir ini. Melalui proses penciptaan projek persembahan ini, saya cuba untuk imaginasi penciptaan tari berdasarkan elemen budaya masyarakat tersebut. Budaya yang menjadi inspirasi adalah muzik tradisi masyarakat setempat iaitu Ghazal Melayu Johor.

Berdasarkan konsep popular oleh Allen Merriam (1977), bahawa “*dance is culture, culture is dance*” (tari adalah budaya, budaya adalah tari). Konsep yang dikemukakan oleh Merriam ini menjurus kepada pendekatan untuk meneliti keberadaan sesebuah tari dalam budaya masyarakat itu sendiri. Beliau juga menegaskan untuk mengukur keberadaan dan kepentingan tari dalam sesebuah masyarakat, antropologi tari merupakan kaedah terbaik. Sebagai contoh jika melihat tari Melayu dalam konteks tari pergaulan seperti tarian Melayu Asli, Inang dan Joget serta tarian Zapin, secara tidak langsung kita akan turut melihat dan mendalami budaya dan cara hidup masyarakat Melayu. Cara hidup yang dimaksudkan seperti cara pergaulan seharian, aktiviti pekerjaan, dan norma kehidupan masyarakat Melayu. Budaya dan tari saling memerlukan dan tidak dapat dipisahkan. Menurut Hashim



Awang A.R. (1998) terdapat perbezaan di antara budaya dan kebudayaan. Budaya merujuk kepada segala prinsip, peraturan dan struktur, kod, nilai, norma dan seumpamanya yang mendasari kelakuan manusia. Manakala kebudayaan adalah segala bentuk amalan dan perlakuan yang dihasilkan berlandaskan prinsip, falsafah, nilai dan sebagainya. Pendek kata, budaya adalah teori sedangkan kebudayaan merujuk kepada segala bentuk amalan dan praktikalnya. Dalam konteks ini saya melihat seni muzik dan seni tari adalah nilai budaya yang menjadi amalan masyarakat tersebut. Salah satu kebudayaan yang terdapat di negeri Johor adalah Ghazal Melayu Johor. Sejarah kesenian muzik Melayu harus dilihat dari pelbagai sudut dunia Melayu yang merangkumi negara Malaysia, Indonesia, Thailand, Kampuchea dan Filipina sebagaimana yang dinyatakan oleh (Mohamed Ghouse Nasurudin, 2003). Muzik Melayu di Malaysia khususnya telah melalui proses pembauran dengan budaya dari negara luar antaranya, Arab, India, China, Portugis dan Parsi yang hadir melalui aktiviti perdagangan dan lewat penjajahan satu ketika dahulu. Hal ini dapat dinyatakan dengan jelas oleh Ibrahim b Ahmad (2010) dalam kertas kerja *Muzik Kontemporari Sebagai Alat Pembentukan Nilai Dalam Komuniti: Kemana Hala Tuju Kita?*

Muzik Melayu bermula sebagai bentuk asli sebagaimana yang terdapat dalam seni muzik Melayu Proto. Bentuk dan iramanya mudah dan peralatan muziknya diperbuat daripada unsur-unsur alam tempatan. Setelah kedatangan orang-orang India muzik Melayu terpengaruh dengan budaya India dan memasukkan unsur-unsur muzik India ke dalam muzik mereka. Begitulah juga yang berlaku apabila datangnya orang-orang timur tengah yang membawa agama Islam sehinggalah datangnya orang-orang Portugis, Belanda dan Inggeris yang menjajah Tanah Melayu. Irama joget adalah irama Portugis (yang terkenal dengan lagu Jingklung Nona) yang disesuaikan ke dalam irama Melayu. Begitu juga dengan dondang sayang yang direka cipta oleh kumpulan baba dan nyonya di Melaka yang menyelitkan unsur-unsur budaya China di dalamnya. Lagu asli misalnya 'Masmerah' kelihatan tebal dengan pengaruh melodi muzik China.



Merujuk pada muzik Ghazal, perkataan Ghazal dipinjam dari perkataan Arab yang bermaksud 'Puisi Kasih'. Hal ini dianggap sebagai salah satu bentuk kesenian puisi bertemakan cinta yang sangat popular di Timur Tengah, khasnya Parsi sebelum kedatangan Islam. Ghazal sangat terkenal di Semenanjung Malaysia khususnya di selatan tanah air iaitu di Johor. Menurut Zuraidah Abdullah & Qurratu'aini Adibah Ahmad Fazil (2010) kedatangan muzik Ghazal di Semenanjung Malaysia sering dikaitkan dengan kedatangan pedagang Arab.

Pedagang Parsi yang datang ke tanah Melayu lewat abad ke 19 juga menyaksikan bagaimana kesenian wayang Parsi ketika itu dan kini lebih dikenali sebagai wayang bangsawan. Walaupun tiada dapat dijelaskan bilakah tarikh sebenar yang menyatakan Ghazal tiba di Semenanjung Malaysia, akan tetapi menurut Rahmah Bujang & Noor Azlin Hamidon (2002) Ghazal telah lebih dahulu berada di selatan tanah air iaitu Johor sebelum rombongan wayang Parsi tiba di Pulau Pinang sekitar tahun 1870. Perkembangan muzik Ghazal di Johor bermula dengan hubungan erat di antara Kerajaan Johor dan Riau-Lingga menjadikan golongan Raja dan Bangsawan Johor sering berulang alik ke Riau. Mereka sedikit sebanyak mempelajari dan membawa kesenian ghazal ini ke istana Johor yang ketika itu di Teluk Belangah. Sultan, pembesar istana sangat meminati muzik ini dan sangat mudah untuk diterima oleh masyarakat kerana bentuk muziknya yang syahdu dan mengasyikkan. Allahyarham Datok Bentara Luar, Mohd Salleh bin Perang yang telah diperintahkan membuka daerah-daerah di Johor telah membawa sekali kesenian ghazal ini. Beliau memperkenalkan seni ghazal ini ke daerah Endau, Mersing, Batu Pahat dan Muar serta beberapa daerah lain. Selain Datok Bentara Luar, individu yang bertanggungjawab



mengembangkan muzik ghazal di Johor adalah Allahyarham Kolonel Tuan Haji Musa b Hj Yusoff yang juga di kenali sebagai Pak Lomak. Pak Lomak merupakan cucu kepada Dato Salleh b Perang (Zuraidah Abdullah & Qurratu'aini Adibah Ahmad Fazil, 2010).

Walaupun satu ketika dahulu kesenian ghazal ini mendapat tempat di hati masyarakat terutamanya di Johor, kini kesenian ghazal mula pudar dan kurang mendapat sambutan dari anak-anak muda khususnya. Ghazal Melayu Johor dirasakan tidak berkembang kerana repertoire, teknik persembahan, gaya muzik dan idiom-idiom yang dimiliki tidak pernah berubah secara signifikan dari bentuk sedia ada Kamarulzaman (2015). Satu-satunya individu yang melakukan perubahan signifikan adalah Pak Lomak, Pak Lomak telah membuat perubahan terhadap beberapa alat muzik, seperti Sitar ditukar dengan Gambus dan Sharangi diganti dengan gitar.

Selain itu usaha dalam mengembalikan minat dan rasa generasi muda kepada muzik Ghazal Melayu Johor juga dilaksanakan oleh Yayasan Warisan Johor (YWJ) pada tahun 2000 apabila persembahan Ghazal Melayu Johor ini digabungkan dengan orkestra dalam “Konsert Ghazal Johor” di Stadium Tertutup Johor Bahru. Pada tahun 2012 pula YWJ sekali lagi melaksanakan persembahan orkestra ghazal dalam persembahan “Simfoni Ghazal Johor” di Istana Budaya. Melalui persembahan ini Ghazal Melayu Johor bukan hanya sebuah persembahan muzik dan nyanyian semata-mata akan tetapi elemen seni persembahan yang lain seperti seni tari dan lakonan dimasukkan bagi menambah rasa dalam persembahan tersebut. Walau bagaimanapun





persembahan tarian yang dihasilkan hanyalah sebagai tarian yang mengiringi lagu-lagu Ghazal yang disampaikan dan tidak mempunyai gaya tertentu yang dicipta berdasarkan lagu tersebut. Bertitik tolak dari perkara ini, saya cuba menghasilkan sebuah projek akhir yang mengimajinasikan penciptaan tari berdasarkan aspek rentak dan lagu dalam Ghazal Melayu Johor.

1.4.2 Proses Imajinasi

Justeru dalam konteks penciptaan tarian sama ada dalam bentuk atau gaya baharu, keperluan memahami proses dalam menghasilkan tarian sangat penting. Sekitar abad ke 20 penciptaan tari giat dijalankan oleh mereka yang berbakat mengikut pada struktur naratif dan bentuk muzik, walau bagaimanapun pertengahan era ke 20 menunjukkan perubahan pada penciptaan tari yang lebih berkembang kepada bentuk, gaya dan struktur persembahan tari, Jo Butterwoth (2012). Pelbagai bentuk kaedah digunakan dalam mencipta tarian samada melibatkan proses penciptaan semula atau pemugaran semula tarian, salah satu kaedah atau proses yang diguna pakai adalah imajinasi atau 'imagination'.

Proses imajinasi atau 'imagination' adalah satu proses dalam menghasilkan sebuah karya kreatif seni persembahan. Konsep 'imagination' adalah konsep yang digunakan oleh pelbagai individu bagi menjelaskan konsep pemikiran (Keaiichi Takaya, 2009). Definisi yang diberikan oleh laman web Merriam Webster pula menyatakan *imagination is the act or power of forming a mental image of something not present to the senses or never before wholly perceived in reality.*





Menurut pendefinisian ini, *imagination* adalah tindakan atau kekuatan membentuk gambaran pemikiran tentang sesuatu yang belum pernah hadir melalui pancaindera atau belum dihadiri secara realiti. Gambaran atau bayangan adalah apa yang terzahir dari minda. Gambaran ini biasanya hasil dari pengalaman individu setelah melalui satu-satu proses. Konsep imaginasi ini kebiasaannya merujuk kepada pandangan dan perspektif individu atau pengkarya dalam konteks seni persembahan, ini dapat di jelaskan melalui pernyataan Cecilia Djuberg (2017) dalam artikel beliau menyatakan:

As an outsider and a guest at the festival, I rely on the curators to choose for me the best and the most thought-provoking performances, made possible, of course, by timing, logistics and costs. Thus I understand that what I saw were a few examples of dance from Asia, and will not let these performances make me think I have found the one true definition of Asian Dance. But I will for sure have some food for thought later when I imagine it from my own perspectives.



Imaginasi adalah satu konsep dalam membina satu kaedah bagi menghasilkan sesuatu perkara. Konsep ini bertitik tolak melalui pandangan atau pengalaman individu tersebut. Memori atau pengalaman peribadi sering sekali menjadi rujukan pertama untuk seorang koreografer. Perasaan cinta, benci, terpinggir, kemarahan, semangat, takut, cemburu semuanya telah di gunakan dan dilihat dalam pementasan sejak beratus-ratus tahun (Joseph Gonzales, 2019). Pengalaman juga boleh di peroleh secara pengamatan, hasil dari pengamatan ini secara *emic* atau *ethic* juga mampu dijadikan sebagai sumber inspirasi dalam menghasilkan sesuatu karya. Ketika membicarakan aspek penciptaan tari, fokus utama dalam proses ini adalah bentuk tari yang bakal di hasilkan melalui proses imaginasi. Proses imaginasi sama ada gaya tari atau bentuk tari akan melibatkan



proses membina beberapa elemen dalam konteks persembahan. Jones, K. (2016)
dalam penulisannya berkaitan proses imaginasi menyatakan

“My imagined Imperial Gesture premiered in 2013 in Charlotte, NC followed by a performance at the Joyce Theater in NYC by a principal dancer from the Martha Graham Dance Company. The work is five and a half minutes in length, features a newly composed score, a replica costume, and newly designed lighting.”

Imaginasi giat diperkatakan dalam dunia psikologi. Tokoh utama yang mengkaji berkaitan imaginasi adalah Immanuel Kant (1787) dan Samuel Taylor Collaridge (1823). Kant menyatakan imaginasi adalah satu bentuk gambaran fakulti yang mewakili objek walaupun tidak dapat dilihat, manakala Collaridge pula menyatakan imaginasi adalah satu ejen utama dalam membentuk persepsi pemikiran manusia. Kedua-dua pernyataan ini mewakili intuisi ataupun yang disebut sebagai gambaran awal pemikiran manusia.

Selain itu sejak dahulu masyarakat Melayu umumnya mencipta kesenian tari mereka berdasarkan irama muzik, Tarian Asli sebagai contohnya bermula dari gambaran dan kreativiti penggiat dan karyawan tari mencipta tari berdasarkan gaya nyanyian dan pertukaran pantun dalam kalangan masyarakat kampung, yang mana merujuk sebagai Melayu Asli (Mohd Anis Md Nor, 2000). Lagu Asli dikenal pasti dari lapan frasa 4/4 yang mana frasa empat yang pertama telah digabungkan dengan corak yang tetap manakala kiraan kedua dalam bit selalunya improvisasi dan aksen pada gong yang ke empat dan gong yang kelapan.

Pergerakan dalam tarian Melayu Asli ini juga di pengaruhi oleh muzik itu sendiri di mana jika dilihat dari ragam tarian Melayu Asli 4 gerak pada 4 bit pertama kebiasaannya gerak lenggang asli dan 4 gerak pada 4 bit berikutnya adalah gerak improvisasi dari gerak silat bagi penari lelaki dan gerak memetik bunga bagi penari wanita. Masyarakat Melayu zaman dahulu sangat kuat dalam imaginasi mereka, sehinggakan gerak tari yang dihasilkan adalah berdasarkan bayangan dan imaginasi mereka yang menggambarkan unsur alam dan kehidupan seharian. Berdasarkan pernyataan ini, matlamat projek persembahan ini adalah untuk menghasilkan sebuah persembahan tarian melalui proses imaginasi penciptaan tari berinspirasi muzik ghazal. Jelas, menunjukkan proses imaginasi melibatkan proses membina elemen-elemen penting dalam sesebuah persembahan tarian, sebagai contohnya komposisi baharu, replika kostum serta penataan cahaya yang baharu.

1.5 Imaginasi Idea Penciptaan

Projek persembahan akhir ini berinspirasi Irama Ghazal Melayu Johor bakal dipersembahkan dalam persembahan tari ciptaan baharu. Kemampuan berimaginasi adalah asas kepada pembinaan sebuah karya seni persembahan. Menurut Joseph Gonzales (2019), antara anugerah dan nstr terpenting buat pengkarya ialah keupayaan berimaginasi yang subur. Koreografer ialah seorang yang mampu mendengar dan melihat dengan mata hati dan berfikir secara luar kotak dalam menghasilkan karya kreatif. Penciptaan tari lewat era 70 hingga 90 an banyak membentuk tari kreatif dan kontemporari.



Ini dijelaskan oleh Mohd Anis Md Nor (1998), kemunculan koreografer baru dengan membawa idea dan gaya baru dalam penciptaan tari di Malaysia, koreografi gaya tarian baru dalam tradisi lama kadang kala menggunakan nama yang baru atau mengekalkan nama yang lama sebagai contoh tarian joget yang terkenal di Malaysia di sebut Joget Lambak dan ada juga menyebut Joget Moden. Beliau menambah lagi penciptaan tarian kreatif oleh koreografer baru masih mengekalkan konsep keseragaman dalam pembinaan struktur gerak sebagai contoh tarian Wau Bulan, Tumbuk Kalang dan Gunungan. Penciptaan tarian ini banyak mengambil inspirasi dari muzik serta cara hidup masyarakat tersebut. Persembahan tari yang bakal dihasilkan oleh saya mengambil inspirasi dari muzik Ghazal, bentuk tari yang dihasilkan tidak terikat dengan bentuk kreasi, kreatif atau kontemporari. Bentuk tari yang akan dicipta bergantung kepada pemilihan muzik ghazal yang digunakan semasa proses nanti. Proses ini melibatkan proses improvisasi dan eksplorasi diantara koreografer, penari dan bahan tari. Menurut Blom, L.A and Chaplin L.T (1998) improvisasi tari menggabungkan penciptaan dengan pelaksanaan. Improvisasi membenarkan koreografer dan penari melakukan gerak tanpa perancangan dan menghasilkan pergerakan kreatif masa kini. Penciptaan tari juga melibatkan proses eksplorasi, ini dijelaskan oleh Peter Abbs (1989, p. 204) dimana beliau mencadangkan lima fasa dalam proses penciptaan tari iaitu:

- a. Dorongan ekspresi
- b. Bekerja dengan medium
- c. Merealisasikan bentuk akhir
- d. Pembentangan dan persembahan





e. Penilaian

Dalam fasa tersebut, bekerja dengan medium boleh dikaitkan dengan proses improvisasi dan eksplorasi gerak berdasarkan inspirasi dari sesuatu bahan.

Berdasarkan pernyataan di atas, saya akan melakukan proses improvisasi dan eksplorasi berdasarkan muzik Ghazal Johor. Saya akan menggunakan irama Ghazal Melayu Johor dan akan menghasilkan gerak dan motif yang bersesuaian. Lagu atau muzik yang bersesuaian adalah integrasi kepada koreografi. Muzik akan menambah nilai keseluruhan koreografi dan tidak boleh dipisahkan dan ini merangkumi ketiadaan muzik iaitu nilai senyap juga adalah alatan koreografi yang sangat kuat (Joseph Gonzales, 2004). Dalam konteks ini muzik ghazal adalah elemen utama dalam penciptaan tarian ini. Melalui pengamatan karya-karya yang pernah dipentaskan sama ada oleh saya sendiri atau koreografer lain serta pengalaman saya dalam seni persembahan tari, saya akan melalui proses imaginasi, improvisasi dan pembinaan motif gerak dalam menghasilkan tarian berinspirasi muzik ghazal.

Peringkat awal saya akan memilih lagu ghazal yang bersesuaian terlebih dahulu. Lagu-lagu ghazal yang akan di pilih adalah berdasarkan kepada keistimewaan dan keunikan dari segi melodinya. Pemilihan lagu menjurus kepada tiga bentuk lagu Ghazal iaitu Ghazal asli, Ghazal langgam dan Ghazal rekonstruksi Secara dasarnya muzik ghazal terbahagi kepada dua kategori, menurut artikel sesawang (Ghazalseriwarisan.com, 2003) Ghazal dapat dikategorikan kepada dua bentuk iaitu Ghazal Asli dan juga Ghazal Langgam yang mana lagu Ghazal Asli merupakan lagu





yang terdiri daripada lagu-lagu Melayu lama yang lebih berkisar kepada penceritaan hidup. Antaranya Seri Mersing, Seri Siantan, Sri Banang dan juga Tambatan Johor. Manakala, lagu Ghazal Langgam pula ialah irama ghazal nstrum yang mempunyai ciri-ciri dangdut serta Hindustani, kebiasaannya Ghazal Langgam juga mempunyai rentak seperti rentak inang. Sebagai contohnya ialah Siti Payung, Empat Dara dan juga Yaladan. Persembahan ghazal ini juga boleh dibawa mengikut rentak-rentak yang berbeza iaitu rentak joget, samba, dan juga inang. Ketiga-tiga rentak tersebut membawa perbezaan dalam setiap persembahan.

Ghazal rekonstruksi pula adalah sebuah bentuk ghazal yang telah diubah dari segi corak permainan serta pukulan nstr serta iramanya. Ghazal rekonstruksi ini adalah hasil karya Dr. Kamarulzaman yang diberi nama Ghamuhyi. Perubahan zaman telah menghasilkan pelbagai rentak baru dalam muzik Ghazal, kini beberapa kumpulan Ghazal Johor telah memainkan irama serta lagu-lagu moden atau lagu masa kini menggunakan nstrument ghazal. Persembahan lagu ini menjadi salah satu nstrument dalam lagu ghazal iaitu ghazal moden. Oleh yang demikian bagi memberi nafas baharu dalam persembahan saya akan mengimajinasikan penciptaan tari ini berdasarkan lagu Ghazal asli, Ghazal langgam serta Ghazal Rekonstruksi.

Saya mengimajinasikan karya yang dihasilkan berdasarkan irama asli Ghazal Melayu Johor ini melalui dua konsep asas dalam muzik tersebut iaitu rentak dan lagu. Menurut Tuan Haji Ahmad Roslan (1987) dalam Ghazal rentak disebut sebagai tal, asal Ghazal Melayu Johor mempunyai dua rentak sahaja iaitu rentak *khirwa* dan






double dadra, kebiasaannya pemuzik Ghazal Melayu Johor kini hanya tahu memainkan rentak *Khirwa* sahaja dan disebabkan itu pendengar menyatakan rentak Ghazal adalah sama sahaja. Berdasarkan temu ramah bersama Rozaidy Shukry (2020) salah seorang penggiat Ghazal Melayu Johor, beliau menyatakan rentak Ghazal Johor diilhamkan semula oleh Pak Lomak yang disebut “pukulan Hidustani’ oleh kerana bentuknya dipinjam dari pukulan nstr India. Berkaitan lagu pula pemilihan lagu adalah berdasarkan kepada pantun dan suasana lagu tersebut sebagai contoh lagu Seri Mersing, Lagu Pak Ngah Balik dan Lagu Seri Johor.

Pemilihan lagu-lagu ini disebabkan lagu tersebut antara lagu terawal yang dicipta bagi irama ghazal melayu Johor. Lagu Seri Mersing dan Pak Ngah Balik adalah lagu terawal yang di cipta oleh Pak Lomak yang dikenali juga sebagai “Bapa Ghazal Melayu Johor”. Lagu Pak Ngah Balik di cipta oleh Pak Lomak sekitar tahun 1940 an sewaktu Pak Lomak bertugas sebagai Pegawai Pemerintah Batilion Pertama askar Setia Negeri Johor. Lagu ini dicipta oleh oleh Pak Lomak adalah salah satu lagu Ghazal yang unik kerana lagu ini dimainkan dalam bentuk Ghazal asli dan tidak ada campuran dengan muzik Melayu asli dan Melayu deli (Rozaidy Shukry, 2019). Proses penciptaan dimulakan dengan penetapan bahan dan nstrument persembahan seperti yang di maklumkan di atas tadi iaitu dari aspek muzik dan bahan tarian. Dalam sebuah penciptaan tarian ciptaan elemen-elemen berikut perlu di titik beratkan kerana ia mudah dan akan memandu koreografer menghasilkan tarian kelak. Konsep asas dalam penghasilan tari dapat dijelaskan dalam rajah berikut;





Rajah 1.0. Konsep-konsep asas penciptaan tari. Sumber: Mohd Fauzi Ahmad Selo, 2019

Jo Butterworth (2012) dalam bukunya *Dance Studies the basics* menyatakan dalam penciptaan tarian sehingga lewat era 20an tari giat di cipta oleh penggiat tari yang berbakat, penciptaan tari ini berstruktur kepada jalan cerita atau bentuk muzik itu sendiri, beliau juga menyebut asas kepada penciptaan koreografi termasuk pemilihan tema atau bahan rangsangan, pembinaan struktur gerak baharu dan pembinaan koreografi yang dinamik dan menekankan kepada unsur tari seperti masa, ruang dan tenaga. Melalui pernyataan tersebut saya telah membina konsep asas dalam sebuah penciptaan baharu supaya dapat memandu saya dalam proses penghasilan koreografi nanti.

1.5.1 Konsep Asas Penciptaan Tari.

Idea, Tema dan Konsep adalah permulaan dalam proses menghasilkan sesuatu karya. Dalam konteks projek persembahan akhir ini saya menetapkan idea, tema dan konsep bagi memandu penciptaan projek persembahan tersebut. Menurut Joseph Gonzales (2019) tema dan konsep karya berkait dengan idea dan maksud yang ingin disampaikan serta cara ia di komunikasi melalui tubuh.

- Idea

Idea, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat bermaksud rancangan yang tersusun dalam fikiran atau disebut sebagai buah fikiran. Dalam konteks penciptaan tari idea merujuk kepada perkara pokok, asas atau tunjang dominan dan bahan yang akan digunakan dalam mencipta tari tersebut. Idea yang bakal diketengahkan oleh saya dalam projek persembahan kali ini adalah penciptaan tari berinspirasi muzik ghazal, muzik ghazal dipilih kerana irama ini tidak mempunyai gerak tari yang khusus dan saya bebas mencipta dan mengeksplorasi gerak tari berdasarkan irama tersebut. Imaginasi terhasil dari cetusan idea dan buah fikiran.

- Tema

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat tema boleh didefinisikan sebagai dasar penceritaan yang hendak ditimbulkan atau disampaikan. Tema adalah pokok persoalan yang paling utama atau cerita yang akan



dikembangkan. Pada pemahaman pengkaji pula, tema ini merupakan sesuatu perkara yang paling asas yang ingin diketengahkan oleh koreografer dan perkara yang boleh diperkembangkan menjadi sesebuah karya seterusnya mesej yang ingin disampaikan kepada penonton dapat disampaikan dengan baik. Tema bagi projek persembahan saya adalah rentak dan lagu dalam muzik Ghazal Johor. Pemilihan rentak dan lagu kerana dua elemen ini memberi kelainan dan kepelbagaian dan muzik itu sendiri. Penciptaan tari juga sering menggunakan rentak dan lagu sebagai rujukan pembinaan gerak tari. Rentak dan lagu ghazal yang dinyatakan boleh juga merujuk kepada bentuk muzik Ghazal Johor yang terdiri dari Ghazal Asli, Ghazal Langan dan Ghazal Rekonstruksi.



Konsep boleh diertikan sebagai pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu perkara. Konsep di sini merujuk kepada skop yang telah dikecilkan dalam tema tarian yang hendak dilaksanakan. Konsep seharusnya jelas supaya koreografer mudah untuk membuat pembaharuan pada ragam tari, muzik dan juga busana tarian yang dikaji. Konsep persembahan merujuk kepada keseluruhan koreografi yang bakal dihasilkan. Melalui pemilihan lagu ghazal yang mempunyai kepelbagaian dari aspek rentak dan lagu konsep yang akan diketengahkan akan merujuk kepada bagaimana rentak dan lagu mempengaruhi imaginasi penciptaan gerak tari dan komposisi tari.

Secara keseluruhannya persembahan yang bakal dilaksanakan ini nanti lebih menumpukan kepada penciptaan tarian dan bagaimana penonton melihat dan



menerima pembaharuan dalam konteks persembahan tari di Malaysia. Bagi aspek koreografi, elemen koreografi berikut bakal menjadi rujukan saya dalam menghasilkan koreografi. Berikut merupakan elemen koreografi, Joseph Gonzales (2009);

- a) Bentuk tari
- b) Ruang
- c) Muzik
- d) Dinamik

Penciptaan tari akan disesuaikan dengan bentuk persembahan yang bakal dihasilkan. Dari aspek bentuk tari, persembahan yang bakal dihasilkan tidak menetapkan bentuk tarian yang dipilih, saya akan melakukan proses improvisasi dan eksplorasi bagi mencipta sebuah persembahan tari yang berimajinasi berdasarkan elemen rentak dan lagu Ghazal Johor. Sebagai contoh bentuk tari yang bakal terhasil seperti tari kreasi, kreatif atau kontemporari. Ini kerana bentuk tari ini lebih dekat dengan proses penghasilan projek persembahan ini berbanding bentuk tari tradisional.

Pemilihan ruang persembahan juga adalah salah satu perkara yang akan difikirkan oleh saya bagi memastikan persembahan yang dihasilkan memenuhi syarat dalam projek kajian persembahan ini. Ruang persembahan yang dipilih berkemungkinan masih mengekalkan pemilihan ruang persembahan konvensional

seperti pentas prosenium atau trust, walau bagaimanapun ruang lingkungan juga boleh diambil kira kerana semua proses ini melibatkan proses eksplorasi semasa gerak dilakukan. Muzik tari semestinya adalah berdasarkan muzik Ghazal, kerana projek persembahan ini berinspirasi muzik Ghazal sama ada Ghazal asli atau langgam. saya akan memilih beberapa lagu Ghazal yang mempunyai kelainan dari segi rentak dan lagu kerana ini akan memberi dinamik pada persembahan tersebut, dalam masa yang sama lagu Ghazal yang dipilih akan memberi imej kepada penciptaan tarian yang bakal dihasilkan.

Dari aspek Sinografi dan kesan artistik pula, saya akan cuba menyesuaikan dengan produk akhir yang dihasilkan kelak. Sinografi melibatkan busana dan tatarias, penatacahaya, serta set dan props. Sinografi yang baik dapat membantu dalam memberikan mood persembahan,